



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

**SIARAN MEDIA**

**PEGAWAI AWAM BERSTATUS TETAP DAN BERPENCEN YANG MEMILIH SISTEM  
SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) AKAN MENDAPAT PELARASAN GAJI  
DAN PENCEN KEKAL**

---

**Putrajaya, 14 September 2024 – Pegawai Awam berstatus tetap dan berpencen yang memilih opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bukan sahaja pencen kekal dan tidak terjejas, malahan akan menerima pelarasan gaji. Pegawai berstatus kontrak (*Contract of Service*), juga layak menerima pelarasan gaji di bawah SSPA. Ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memastikan kesejahteraan dan kepuasan kerja semua Pegawai Awam, tidak kira status perjawatan.**

Kepada Pegawai Awam yang **tidak memilih opsyen SSPA** dan ingin kekal di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang berstatus tetap dan berpencen pula, **pencen anda juga kekal dan tidak terjejas**, berkhidmatlah seperti biasa **namun anda tidak akan menikmati pelarasan gaji** seperti di bawah SSPA.

Sebagai langkah tambahan, Sesi Libat Urus (SLU) juga akan diadakan bagi memberikan penjelasan yang lebih mendalam mengenai pemilihan opsyen SSPA ini. **Sesi pertama tersebut dijadualkan berlangsung pada hari Selasa bersamaan 17 September 2024** dan diikuti dengan siri jelajah yang meliputi setiap Kementerian dan Jabatan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Penerangan secara dalam talian juga akan diadakan.

Semua Pegawai Awam, termasuk yang berstatus kontrak, adalah dijemput untuk menghadiri sesi ini bagi mendapatkan maklumat lanjut dan menjelaskan sebarang pertanyaan yang mungkin timbul. JPA komited untuk memastikan kesejahteraan Pegawai Awam terjamin dan berharap SLU ini akan memberi manfaat yang jelas kepada semua pihak.

**FB Live JPA bertajuk SSPA: Pencen kekal** juga akan diadakan pada 19 September ini selama **satu jam bermula 10 pagi** untuk pencerahan bersama.

**#####**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 14 September 2024  
E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (76)